



INSTITUT AMINUDDIN BAKI  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA



# SEMINAR NASIONAL PENGURUSAN DAN KEPEMIMPINAN PENDIDIKAN KE-10

**30 OKTOBER - 1 NOVEMBER 2001**

**Kertas Seminar 2: Sekolah Sebagai  
Organisasi Pembelajaran: Hubungan Antara  
Ciri-Ciri Pembelajaran Organisasi Sekolah  
dan Sikap Terhadap Pengurusan**

**ENCIK MUHD. KHAIRIL TITOZ BIN ZAINUDDIN**  
Bahagian Buku Teks

**DENGAN KERJASAMA**

**UTUSAN MELAYU (MALAYSIA) BERHAD**



## Sekolah Sebagai Organisasi Pembelajaran (Learning Organization): Hubungan antara Ciri-ciri Pembelajaran Organisasi Sekolah dan Sikap Guru Terhadap Perguruan

Muhd Khairilitov bin Zainuddin  
Bahagian Buku Teks, Jabatan Sekolah  
*khairilitov@hotmail.com*

### ABSTRAK

Kertas ini melaporkan satu kajian (Muhd Khairilitov, 2000) ke atas lima buah sekolah menengah di Wilayah Persekutuan tentang hubungan antara ciri-ciri pembelajaran organisasi sekolah dan sikap guru terhadap perfesional perguruan. Kajian ini mengukur tahap pembelajaran organisasi sekolah (*school organizational learning*) menggunakan instrumen 21 item, "Organizational Learning Survey (OLS)" yang diubah suai daripada Goh dan Richard (1997). Sikap guru terhadap perguruan diukur melalui instrumen 19 item yang dikumpulkan kepada tiga sub skala, (1) kepuasan kerja dan komitmen guru, (2) sikap terhadap persekitaran kerja, dan (3) sikap terhadap pengetahuan, inovasi dan teknologi maklumat. Kajian ini mendapati bahawa:

- (1) sekolah-sekolah kajian mempunyai tahap pembelajaran organisasi yang berbeza,
- (2) wujud hubungan korelasi yang ketara (*significant*) antara tahap pembelajaran organisasi sekolah dan sikap guru,

Kajian ini mencadangkan supaya sekolah menjadi Organisasi Pembelajaran (*Learning Organization*) dalam erti kata yang sebenarnya. Ini boleh meningkatkan sikap dan komitmen guru terhadap sekolah dan profesyen perguruan seterusnya akan meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Ia juga mampu mengembangkan potensi guru sebagai pendidik. Organisasi Pembelajaran kini diterima oleh sarjana-sarjana reformis pendidikan di Barat sebagai model sekolah masa hadapan (Fullan, 1993).

### PENGENALAN

Kertas ini bertujuan melaporkan kajian ke atas lima buah sekolah menengah di Wilayah Persekutuan (Muhd Khairilitov, 2000) tentang hubungan antara ciri-ciri pembelajaran organisasi sekolah dan sikap guru terhadap perfesional perguruan. Tiga objektif utama kajian ini ialah: (1) mengukur tahap ciri-ciri pembelajaran organisasi sekolah-sekolah berkenaan, (2) mengkaji hubung-kait ciri-ciri tersebut dengan sikap guru-guru terhadap perguruan, dan (3) mengkaji kesan faktor-faktor demografi guru-guru terhadap hubung-kait yang tersebut.

### LATAR BELAKANG

#### Pembelajaran organisasi

Pembelajaran organisasi atau *organizational learning* adalah satu proses yang diterima oleh sarjana-sarjana pengurusan sebagai pendekatan utama dan pentingsetiap organisasi masa kini dan depan demi memastikan ianya mampu bersaing dan kekal. Setiap organisasi, untuk terus hidup (*survive*) perlu berubah menjadi sebuah *organisasi pembelajaran* yang sebenarnya (Garratt, 2000). Beberapa definisi pembelajaran organisasi diberikan pada Jadual 1.

**Jadual 1 Beberapa definisi pembelajaran organisasi**

Definisi	Sumber
... process of improving actions through better knowledge and understanding.	Fiol dan Lyles (1985).
... is defined as increasing an organization's capacity to take effective action.	Kim (1993).
An entity learns if, through its processing of information, the range of potential behaviors is increased.	Huber (1991)
... is a process of detecting and correcting error.	Argyris (1977)
... is defined as the process by which knowledge about action-outcome relationship	Daft dan Weick (1984).
Organizations are seen as learning by encoding inferences from history into routines that guide behavior.	Levitt dan March (1991)
Organizational learning occurs through shared insights, knowledge, and mental models ... (and) builds on past knowledge and experience – that is, on memory.	Stata (1989).

Sumber: Garvin (2000) halaman 10

Jadual 2 berikut menyenaraikan antara takrif organisasi pembelajaran oleh sarjana-sarjana utama dalam bidang ini.

**Jadual 2 Beberapa Takrif Organisasi Pembelajaran**

'... an organization which facilitates the learning of all its members and continuously transforming itself' (Garratt, 1987 dan 1990).

'...organizations where people continually expand their capacity to create the results they truly desire, where new and expansive patterns of thinking are nurtured, where collective aspiration is set free, and where people are continually learning how to learn together'

(Senge, 1990, halaman 3)

'A learning organization is an organization skilled at creating, acquiring, interpreting, transferring, and retaining knowledge, and at purposefully modifying its behavior to reflect new knowledge and insight' (Garvin, 1993 dan 2000).

**Sekolah sebagai organisasi pembelajaran**


Sekolah adalah antara institusi di mana proses pembelajaran merupakan aktiviti utamanya. Tetapi ramai sarjana reformasi pendidikan berpendapat bahawa sekolah bukan sebuah organisasi pembelajaran (Fullan, 1993). Mereka mendapati di kebanyakkan sekolah tidak berlaku pembelajaran sama ada di peringkat individu guru maupun secara berkumpulan. Kolaborasi antara guru-guru, guru-pengurus sekolah atau sekolah-sekolah amat sedikit sekali. Di Malaysia Noor Filzah (1998) dalam kajian beliau membuat kesimpulan bahawa tidak wujud ciri-ciri pembelajaran organisasi di sekolah (dari persepsi guru). Sarjana-sarjana reformasi pendidikan kini bersepakat bahawa model organisasi pembelajaran adalah model yang mampu memberikan penyelesaian kepada isu-isu yang dihadapi oleh sekolah dan merupakan satu keperluan bagi setiap sekolah (Fullan, 1993, O' Neal, J. 1995, Senge, 2000).

## METODOLOGI KAJIAN

### Rangka kerja kajian

Kajian ini merupakan satu kajian kes yang melibatkan lima buah sekolah menengah di Wilayah Persekutuan. Tahap ciri-ciri organisasi pembelajaran (*organizational learning characteristics*) setiap sekolah diukur dan dianalisis hubungannya dengan sikap guru terhadap profesion perguruan dan sekolah mereka. Sikap guru terhadap perguruan dan sekolah adalah penting kepada kejayaan dan keberkesanannya sesebuah sekolah.

Rajah 1 menunjukkan rangka kerja kajian ini. Dua konstruk utama kajian ialah (1) tahap ciri-ciri pembelajaran organisasi sekolah, dan (2) sikap guru terhadap perguruan. Faktor demografi guru dan sekolah pula merupakan pemboleh hubah yang di kawal.



**Rajah 1:** Rangka kerja kajian

### Istrumentasi

Tahap pembelajaran organisasi sekolah (school organizational learning) diukur menggunakan instrumen 21 item, '*Organizational Learning Survey*' (OLS) yang diterjemah dan diubah suai oleh Noor Filzah (1998) daripada Goh dan Richard (1997). Sikap guru terhadap perguruan diukur melalui instrumen 19 item (*Teacher Attitude Toward Teaching Survey*, TATTS), dibina oleh penyelidik terdiri daripada tiga sub skala, (1) kepuasan kerja dan komitmen guru, (2) sikap terhadap persekitaran kerja, dan (3) sikap terhadap pengetahuan, inovasi dan teknologi maklumat. Kedua intrumen ini menggunakan skala Likert (1-5). Lampiran 1 dan 2 menyenaraikan item-item kedua instrumen berkenaan. Dua instrumen berkenaan disatukan menjadi satu instrumen mengandungi 40 item dengan 8 item untuk maklumat latar belakang guru.

### Pengumpulan data

Dua puluh lima salinan instrumen kajian telah diedarkan kepada setiap sekolah melalui pengetua/penolong kanan sekolah. Daripada 125 salinan yang diedarkan 106 (84.8%) dikembalikan.

### Analisis data

Data yang perolehi dianalisis dengan menggunakan SPSS (Versi 10.0). Empat belas hipotesis kajian telah diuji dengan ujian-t, ANOVA (sehala), ujian korelasi dan ujian Varians Univariat (General Linear Model). Jadual 3 berikut memberikan senarai hipotesis kajian (hipotesis nul), ujian yang digunakan dan keputusannya.

Jadual 3: Senarai Hipotesis, Ujian Statistik (SPSS) dan Keputusan Ujian.

No. Hipotesis	Hipotesis Nul, $H_0$	Ujian	Keputusan
$H_1$	There is no significant evidence that teacher perceived at least one dimension of the learning organization characteristics to exist in their schools.	Ujian t satu sampel ( $\alpha = 3.0$ ).	$H_0$ ditolak
$H_2$	There is no significant evidence that teachers perceived SOLC to exist in their schools.	Ujian t satu sampel ( $\alpha = 3.0$ ).	$H_0$ ditolak
$H_3$	There is no significant difference in SOLC between the five schools.	ANOVA satu hala	$H_0$ ditolak
$H_4$	There is no significant difference in the level of perceptions of SOLC between male and female teachers	Ujian t sampel merdeka ( <i>independent sample</i> )	$H_0$ tidak ditolak
$H_5$	There is no significant difference in the level of perceptions of SOLC between Malay and non-Malay teachers.	Ujian t sampel merdeka ( <i>independent sample</i> )	$H_0$ tidak ditolak
$H_6$	There is no significant difference in the level of perceptions of SOLC between teachers of different length of teaching experience	Ujian t sampel merdeka ( <i>independent sample</i> )	$H_0$ tidak ditolak
$H_7$	There is no significant difference in the level of perceptions of SOLC between teachers of different length of service in current school.	Ujian t sampel merdeka ( <i>independent sample</i> )	$H_0$ tidak ditolak
$H_8$	There is no significant evidence that teacher holding positions in school perceived a higher degree of SOLC in school than teacher without position.	Ujian t sampel merdeka ( <i>independent sample</i> )	$H_0$ ditolak
$H_9$	There is no significant difference in the level of perceptions of SOLC between teacher teaching morning session with teachers teaching afternoon session.	Ujian t sampel merdeka ( <i>independent sample</i> )	$H_0$ tidak ditolak
$H_{10}$	There is no significant difference in the level of perceptions of SOLC between teacher teaching morning session with teachers with degree qualification (graduate) with teacher without degree qualification.	Ujian t sampel merdeka ( <i>independent sample</i> )	$H_0$ tidak ditolak
$H_{11}$	There is no significant difference in TATT score between the five schools.	ANOVA satu hala	$H_0$ ditolak
$H_{12}$	There is no significant correlation between schools' organizational leaning characteristics and the overall teachers' attitude toward teaching (TATT).	(1) Ujian Korelasi Pearson (Bivariate) (2) Ujian Korelasi Partial	$H_0$ ditolak untuk kedua-dua ujian.
$H_{13}$	There is no significant evidence that school with higher level of SOLC perceived a higher degree of TATT.	Ujian t sampel merdeka (1-tail)	$H_0$ ditolak
$H_{14}$	Teachers' demographics characteristics do not significantly affect the SOLC-TATT relationship.	Univariate ANOVA (GLM)	$H_0$ ditolak. Kecuali untuk SCHOOL, tidak ada interaksi yang signifikan diperhatikan antara SOLC dan ciri-ciri yang diuji.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Kajian ini mendapati bahawa:

- (1) ciri-ciri pembelajaran organisasi wujud di berapa sekolah (walau pun bilangannya kecil dan pada tahap yang rendah)
- (2) sekolah-sekolah kajian mempunyai tahap pembelajaran organisasi yang berbeza dan banyak faktor yang mempengaruhinya.
- (3) wujud hubungan korelasi yang ketara (significant) antara tahap pembelajaran organisasi sekolah dan sikap guru, dan
- (4) faktor demografi guru seperti gender, tahun mengajar, ras, dan tahun mengaja di satu sekolah tidak mempengaruhi hubungan yang dinyatakan dalam (3) di atas.

Kajian ini memberikan bukti empirikal yang menyokong wujudnya hubungan positif antara tahap ciri-ciri pembelajaran organisasi sekolah dengan sikap guru terhadap profesion guru. Ciri-ciri organisasi ini jika wujud boleh mempengaruhi sikap dan komitmen guru terhadap tugas mereka di sekolah ke arah yang positif, seterusnya mampu meningkatkan perkembangan diri mereka dan juga keberkesan proses pengajaran dan pembelajaran. Mereka akan lebih berpotensi untuk membuat inovasi dan perubahan-perubahan bagi menangani perubahan dalam era maklumat kini dan masa depan.

## CADANGAN

Kajian ini mencadangkan supaya sekolah dibangunkan menjadi organisasi pembelajaran dalam ertikata yang sebenarnya. Untuk tujuan ini pengurus-pengurus sekolah perlu memahami konsep-konsep dan ciri-ciri penting organisasi pembelajaran dan cara untuk mengubah persekitaran kerja di sekolah (*school working environment*) sesuai dengan ciri-ciri sesebuah organisasi pembelajaran.

## Rujukan

- Garratt, B. (1987) *The Learning Organization*, London: Fontana
- Garratt, B. (1990). *Creating a Learning Organization: A guide to leadership, learning, and development*. New York: Simon & Schuster.
- Garratt, B. (2000). *The Learning Organization: Developing Democracy at Work*. London: HarperCollins
- Goh, S dan Richard, G. (1997). Benchmarking the learning capability of organization. *European Management Journal*, 5, pp. 575-83.
- Fullan, M.G. (1993). *Change forces: the depths of educational reform*. London: Falmer Press.
- Muhd Khairil Titov, 2000. *Relationship between school organizational learning characteristics and teachers' attitude toward teaching: A study on selected secondary schools in Federal Territory Kuala Lumpur*. Unpublished Master of Management Project Paper. Kuala Lumpur: Management Center, International Islamic University Malaysia.
- Noor Filzah Kamaruddin (1998). *Perception of School as Learning Organization for Malaysian Teachers*. Unpublished Master of Management Project Paper, Kuala Lumpur: Management Center, International Islamic University Malaysia.
- O' Neal, J. (1995). On schools becoming learning organization: A conversation with Peter Senge. *Educational Leadership*, April.
- Senge, P. (1990). *The Fifth Discipline: The art and practice of the learning organization*. New York: Doubleday.
- Senge, P. (Ed.) (2000). *School That Learns*. New York: Doubleday.

